



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

12.01.2018

SUARA MSWG

Selamat Tahun Baru!

Tidak seperti pada tahun-tahun sebelum ini, 2018 membuka tirai dengan baik bagi pasaran saham secara amnya. Pilihan raya umum yang akan datang dan Ringgit yang kukuh dilihat sebagai pemangkin tambahan yang menggalakkan bagi Bursa Malaysia.

Ketika pasaran sedang rancak, kita perlu mengingatkan diri tentang kepentingan tingkah laku korporat yang bertanggungjawab.

Melihat perkembangan di MUI Properties (perubahan pengurusan untuk tadbir urus korporat (CG) dan perancangan penggantian yang lebih baik), AirAsia (Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan timbalan CEO melepaskan jawatan pengarah untuk meningkatkan CG) dan Berjaya Food Bhd (perletakan jawatan pengerusi eksekutif demi mematuhi amalan terbaik di bawah kod CG) jelas menunjukkan adanya momentum dalam kalangan syarikat tersenarai untuk lebih mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) Malaysia 2017 yang baru sahaja disemak semula.

Untuk enam tahun berturut-turut, keputusan Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2017 menunjukkan penambahbaikan dalam CG, walaupun kad skor yang disemak semula ini menggunakan penilaian yang lebih ketat.

Jelas sekali, kita dapat melihat usaha yang lebih gigih oleh syarikat tersenarai dalam meningkatkan amalan dan pendedahan CG masing-masing, di samping menunaikan tanggungjawab mereka kepada para pemegang saham.

Inilah semangat di sebalik MCCG 2017, yang mengalih pendekatan 'patuh atau terangkan' dalam Kod 2012 kepada pendekatan yang lebih proaktif iaitu 'aplikasikan atau terangkan pendekatan alternatif', atau CARE ('Comprehend, Apply and REport' atau Fahami, Aplikasikan dan Laporkan).

Peningkatan pada masa akan datang dapat dilihat dengan adanya pertambahan fleksibiliti dalam menerapkan amalan CG terbaik.

Namun kami merasakan ia tidak berakhir di sini, kerana MCCG kini menggalakkan entiti tidak tersenarai seperti perusahaan milik negara, PKS dan pengantara berlesen untuk sama-sama menerapkan MCCG bagi meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kemapanan.

Pendek kata, penambahbaikan tingkah laku korporat adalah suatu perjuangan yang belum selesai dan berita ini amat dinantikan para pemegang saham minoriti.

TAHNAH KENANGA!

Berbekalkan semangat yang sama, kami ingin mengucapkan tahniah kepada Kenanga Investors Bhd dan anak syarikatnya, Kenanga Islamic Investors Bhd kerana menjadi penandatanganan rasmi bagi Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Melihat lebih ramai pengurus aset menjadi penandatanganan kod pengawasan tempatan kita, kami menjangkakan jumlah pertembungan konflik kepentingan dan tingkah laku korporat yang tidak bertanggungjawab akan menurun.

Kami juga mengharapkan peningkatan dalam aktiviti mesra pasaran seperti peningkatan dalam penglibatan pelabur, dasar yang lebih jelas mengenai pengundian AGM serta pertimbangan yang lebih baik terhadap ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus).

KEBIMBANGAN SC TERHADAP MATA WANG KRIPTO

Keraguan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk mengesahkan mata wang kripto dan kaedah utama penjana modalnya, Tawaran Syiling Permulaan, langsung tidak mengejutkan kami. Contoh terkini, arahan pemberhentian yang dikeluarkan SC kepada CopyCash Foundation.

Naluri kami mengatakan, SC berusaha sehabis baik dalam menyusun rangka kerja berasaskan penggunaan bagi bentuk baharu mata wang digital ini supaya para pelabur dapat memanfaatkan potensinya dengan cara yang selamat.

Sementara itu, kami bersetuju dengan sentimen SC yang mengatakan Bitcoin dan semua varian mata wang kripto yang berkaitan, pada masa ini, tetap sangat berisiko dan tidak menentu berikutan sifatnya yang tiada pengawalan.

PASUKAN MSWG

12 Januari 2018

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

MULTI-USAGE HOLDINGS BERHAD (“MUH”)

MUH mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke 25 pada 29 Disember 2017.

Keputusan pengundian resolusi AGM ditunjukkan di bawah:

Resolusi	Undi MENYOKONG		Undi MEMBANTAH		Keputusan
	Jumlah Undian	%	Jumlah Undian	%	
Resolusi Biasa 5 - Meluluskan bayaran yuran Pengarah dan manfaat lain yang perlu dibayar berjumlah RM94,000 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.	5,036,502	21.30	18,614,252	78.70	Tidak Dilaksanakan
Resolusi Biasa 6 - Meluluskan bayaran yuran Pengarah dan manfaat lain yang perlu dibayar bagi jumlah tidak melebihi RM350,000 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.	5,036,502	21.30	18,614,252	78.70	Tidak Dilaksanakan
Resolusi Biasa 7 - Untuk melantik semula Tetuan Baker Tilly Monteiro Heng sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.	23,364,354	98.79	286,400	1.21	Dilaksanakan
Resolusi Biasa 8 - Kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham secara umum menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat, 2016.	5,036,502	21.30	18,614,052	78.70	Tidak Dilaksanakan

[Sumber: Pengumuman MUH di laman web Bursa Malaysia pada 29 Disember 2017]

KOMEN MSWG:

Wakil MSWG menghadiri mesyuarat itu sebagai proksi dan melaporkan ia berjalan lancar. Sesetengah resolusi kontroversi yang berkaitan pemilihan semula dan pelantikan para Pengarah telah dikeluarkan daripada agenda atas perintah mahkamah dan ditangguhkan kepada AGM akan datang yang akan ditentukan oleh Mahkamah.

Kami mendapati 'Perbelanjaan Lain' berjumlah RM2.4 juta adalah besar berbanding kerugian tahun ini iaitu RM3.8 juta tetapi tiada butiran terperinci mengenainya. Wakil MSWG meminta Lembaga Pengarah supaya menyediakan butiran terperinci untuk 'Perbelanjaan lain' ini. Kami mendapati RM1.6 juta daripada 'Perbelanjaan lain' adalah berkaitan kos undang-undang. Selebihnya adalah perbelanjaan insurans, perjalanan, yuran setiausaha syarikat dan juruaudit, dan lain-lain. Kami percaya syarikat secara sukarela perlu menyatakan perbelanjaan Kumpulan dengan lebih telus dengan memberikan butiran terperinci kepada semua angka penting dalam penyata kewangan mereka.

Di samping itu, kami berharap Lembaga Pengarah dapat menyelesaikan proses membicarakan undang-undang di mahkamah supaya dapat mengelakkan kos litigasi serta membolehkan syarikat menumpukan perhatian kepada perniagaan mereka.

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 15 HINGGA 19 JANUARI 2018

Berikut adalah AGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
15.01.18 (Isnin) 09.00 pagi	Kinsteel Bhd (AGM)	The Everly Hotel, No. 1, Jalan Alamanda Precinct 1, Putrajaya

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Kinsteel Bhd (AGM)	<p>Syarikat diklasifikasikan sebagai syarikat PN17 sejak 27 Oktober 2016 dan dikehendaki mengemukakan Pelan Cadangan Penyusunan Semula sebelum 26 Oktober 2017. Oleh kerana Syarikat gagal menyerahkan pelan penyusunan semula dalam jangka masa yang ditetapkan, suatu pengumuman dibuat pada 28 Disember 2017 menyatakan bahawa (a) perdagangan sekuriti Syarikat akan digantung berkuat kuasa 5 Januari 2018; dan (b) sekuriti Syarikat akan dinyah senarai pada 9 Januari 2018 melainkan Syarikat mengemukakan rayuan terhadap penyahsenaraian kepada Bursa Securities pada atau sebelum 4 Januari 2018.</p> <p>Pada 9 Januari 2018, Syarikat mengumumkan ia telah mengemukakan rayuan terhadap penggantungan dan penyahsenaraian kepada Bursa Securities. Penyahsenaraian sekuriti Kinsteel dari Bursa Securities pada 9 Januari 2018 ditangguhkan sementara menunggu keputusan Rayuan ini.</p> <ul style="list-style-type: none">a) Melihat perkembangan di atas, adakah Lembaga Pengarah yakin rayuan itu akan berjaya?b) Apakah status terkini Pelan Cadangan Penyusunan Semula ini dan apakah jangkaan garis masa untuk penyerahan?

SENARAI PEMERHATIAN MSWG

KINSTEEL BHD (“KINSTEEL”)

Lembaga Pengarah Kinsteel mengumumkan mereka sudah pun mengemukakan rayuan terhadap penggantungan dan penyahsenaraian kepada Bursa Malaysia pada 4 Januari 2018 (“Rayuan”). Oleh itu, penyahsenaraian sekuriti Kinsteel dari Bursa Malaysia pada 9 Januari 2018 akan ditangguhkan sementara menunggu keputusan Rayuan tersebut.

[Sumber: Pengumuman Kinsteel di laman web Bursa Malaysia pada 9 Januari 2018]

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.